



28 Julai 2015
28 July 2015
P.U. (A) 171

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 64(2)(t) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar Kuala Lumpur, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Pengkompaunan Kesalahan) 2015**.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Datuk Bandar atau pegawai berkuasa boleh membuat tawaran untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 38 dan 59 dan subseksyen 26(1), 26(3), 29(4), 30(8) dan 36(3) Akta.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dalam Borang 2 Jadual.

(3) Borang 1 dan 2 Jadual hendaklah digunakan bagi tujuan yang ditunjukkan di dalam kandungannya tetapi tiada penyimpangan daripada Borang itu boleh menidaksahkan atau menjejaskan kesahan apa-apa kandungan yang dibuat setakat yang penyimpangan itu tidak mempunyai kesan substansial dan tidak dikira mengelirukan.

Cara mengkompaun

4. (1) Setelah suatu penyiasatan dijalankan dan didapati bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Datuk Bandar boleh mengeluarkan suatu Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 1 Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh masa yang dinyatakan dalam subkaedah (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan dibuat dan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat pembayaran bagi kompaun—

- (a) secara tunai dan diserahkan sendiri;
- (b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur; atau
- (c) melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik yang lain.

(2) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subkaedah (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(3) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan bagi maksud subkaedah (2) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik yang lain.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

6. (1) Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Mengkompaunkan Kesalahan) 1986 [*P.U. (A) 50/1986*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), mana-mana notis yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan hendaklah terus sah seolah-olah ia dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL

[Kaedah 3 dan 4]

BORANG 1

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2015

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan :

Nombor rujukan :

Tarikh :

Kepada :

.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap
anda/.....*

(nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain*)

dan anda didapati telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah Akta (Perancangan)
Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267] dengan butir-butir yang berikut :

(a) Peruntukan yang berkenaan dalam Akta:

.....

(b) Tarikh :

(c) Masa :

(d) Tempat :

(e) Butir-butir kesalahan :

.....
.....

2. Menurut perenggan 64(2)(t) Akta, anda ditawarkan kompaun bagi kesalahan yang
dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM..... (..... ringgit).